

# UPM hasilkan produk sanitasi lidah buaya

**SEKUMPULAN** penyelidik Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif menghasilkan 700 produk sanitasi untuk mencegah penyebaran coronavirus (Covid-19) menggunakan formulasi gel lidah buaya.

Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Profesor Madya Dr. Mohd Razif Harun berkata, proses penghasilan produk berkenaan di Makmal Perisian Bahan, Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan itu tercetus berikutan wabak Covid-19 yang melanda negara manakala pensanitasi sukar diperolehi di pasaran.

“Selain gel lidah buaya, produk ini menggunakan air ternyah ion, alkohol ternyah asli dan minyak pati semula jadi seperti minyak pati lavender, lemon, campuran pati minyak semula jadi, pudina dan minyak *tea tree*.

“Minyak tersebut ditambah di dalam campuran ini kerana berpotensi melawan bakteria dan kuman serta menghalang jangkit-

an,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Dr Mohd Razif berkata, produk itu telah diuji di makmal UPM dan terbukti boleh membasmi kuman mengikut piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

“Kami berjaya mengeluarkan sebanyak 703 botol kandungan 30 mililiter (ml) dan 50 botol 300ml.

“Buat masa ini, kami menghentikan operasi pengeluaran kerana telah menggunakan semua peruntukan. Jika ada pihak luar yang ingin mengkomersialkan produk ini, kami amat mengalu-alukannya,” katanya.



**Produk sanitasi yang menggunakan formulasi daripada lidah buaya dihasilkan oleh UPM.**